



# Buletin P&P

**Pusat Pengajaran & Pembelajaran**

## PROJEK DPP BERNILAI RM130,500.00 DILULUSKAN

Dana Pembangunan Pengajaran (DPP) atau dalam Bahasa Inggerisnya Instructional Development Grant adalah dana yang disediakan untuk membiayai staf atau kumpulan staf akademik melaksanakan aktiviti pembangunan yang menyumbang kepada inovasi, keberkesanan dan peningkatan kualiti proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di UTM.

Baru-baru ini pihak universiti dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tetap Senat (P&P) yang telah bersidang pada tarikh 5 Julai, 2006 (Rabu) telah meluluskan sebanyak 28 permohonan Projek DPP yang menelan belanja sebanyak RM130,500.00. Terdapat permohonan Projek DPP yang tidak dapat diluluskan kerana pemohonan tersebut tidak mempunyai elemen-elemen inovasi dan tidak memperkenalkan pembaharuan dan pembangunan dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) universiti.

## Sidang Redaksi

### Ketua Editor

Prof. Dr. Mohd Salleh bin Abu  
(p-salleh@utm.my)

### Editor

PM Dr. Mohamed Noor Hasan  
(mnoor@utm.my)

PM Dr. Mohd Zaki Kamsah  
(r-zaki@utm.my)

PM Khairi Izwan bin Abdullah  
(m-khairi@utm.my)

PM Dr. Noor Abidah bt. Mohd Omar  
(m-abidah@utm.my)

Dr. Jamalludin bin Hj. Harun  
(p-jamal@utm.my)

En. Muhamad Afandi bin Hamzah  
(m-afandi@utm.my)

### Pembantu Penerbitan

En. Halizan bin Hashim (halizan@utm.my)  
En. Jamil bin Hamzah (H-Jamil@utm.my)

En. Jeffri bin Abdul Rahman (jeffri-ar@utm.my)  
Pn. Sati Zaitun bt. Harjin (pactl@utm.my)

Pn. Norliah bt. Mahmod (nliya@utm.my)  
Cik Noraini bt. Khalid (noraini-k@utm.my)

Cik Fadillah bt. Ibrahim (fdilah@utm.my)

Cik Ili Ruwaida bt. Md Yusof (iliruwaida@utm.my)

En. Salimi bin Ismail (salimi@utm.my)

En. Mohamad Faizi bin Pasimon (faizi@utm.my)  
Pn. Azila bt. Kamis (e-azila@utm.my)

### Terbitan

Pusat Pengajaran dan  
Pembelajaran (CTL),  
Canseleri,

Bangunan Pusat SiswaZAH (F54),  
81310 UTM Skudai.  
Tel.: 07-5537857/51  
Faks: 07-5537860

Versi elektronik:  
[www.ctl.utm.my/buletin](http://www.ctl.utm.my/buletin)

Permohonan fasa kedua Projek DPP bolehlah dikemukakan kepada fakulti masing-masing untuk mendapatkan perakuan selewat-lewatnya pada tarikh 30 Sept, 2006 ini. Keterangan lanjut tentang permohonan Projek DPP yang diluluskan dan tidak diluluskan universiti boleh didapati dengan melayari laman web <http://www.ctl.utm.my/>

## RANGKA KERJA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UTM



Dalam usaha membentuk kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran di UTM, Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL) telah menyediakan satu panduan atau rangka kerja yang berkaitan dengan pengajaran dan

pembelajaran. Berdasarkan rangka kerja tersebut, pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan teras kepada aktiviti berkaitan P&P di UTM. Pelbagai strategi P&P yang bersesuaian dicadangkan bagi menyokong keperluan tersebut dan

*lihat mukasurat 2*

# Editorial

Sesi pengajian 2006/2007 telah pun bermula dan seperti biasa kita menyambutnya dengan penuh azam untuk meningkatkan tahap pendidikan yang diberikan kepada pelajar-pelajar kita supaya setanding dengan apa yang mereka perolehi daripada universiti bertaraf dunia. Sehubungan dengan itu, pihak CTL akan meneruskan beberapa strategi yang telah sedia diatur supaya hasrat kita untuk mencapai matlamat di atas akan tercapai. Program-program seperti penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar, pembelajaran aktif, pengayaan pengalaman tahun pertama, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan e-pembelajaran akan diteruskan malah akan dipertingkatkan lagi tahap pelaksanaannya pada semester ini. Selaras dengan matlamat ini juga, pihak CTL telah menggariskan suatu rangka kerja (framework) bagi pengajaran dan pembelajaran yang menjadi panduan ke arah menghasilkan pelajar yang memenuhi keperluan masyarakat dan industri. Selain daripada pelbagai strategi P&P yang disebutkan di atas, peranan unit-unit sokongan di UTM untuk mencapai matlamat tersebut juga telah turut diperjelas.

Dalam masa kita memikirkan berbagai inovasi untuk meningkatkan kaedah pengajaran, kita tidak harus lupa bahawa kemudahan asas di bilik-bilik kuliah tidak boleh diabaikan malah hendaklah sentiasa dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Justeru itu, suatu kajian mengenai kemudahan peralatan yang terdapat di bilik-bilik kuliah telah dijalankan dan hasilnya telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Tetap Senat P&P. Kajian tersebut mendapati bahawa secara umumnya peralatan di bilik-bilik kuliah adalah mencukupi, bagaimanapun terdapat juga beberapa peralatan yang dirasakan perlu tetapi masih berkurangan jumlahnya. Misalnya, tiga peralatan utama iaitu projektor LCD, komputer dan kemudahan rangkaian adalah merupakan peralatan yang mestilah ada di dalam dewan kuliah moden hari ini. Bagaimanapun, menurut kajian yang dilakukan, cuma kira-kira 50 peratus daripada bilik-bilik kuliah di seluruh kampus telah dilengkapkan dengan ketiga-tiga peralatan ini. Pencapaian ini tidaklah begitu memberansangkan terutamanya sekiranya kita hendak menggalakkan pensyarah menggunakan teknologi untuk meningkatkan penyampaian kuliah mereka. Oleh yang demikian, sesuatu harus dilakukan dalam masa terdekat ini supaya ianya boleh dipertingkatkan bagi mencapai matlamat kita seperti yang dinyatakan di atas.

## LAWATAN KERJA TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK) KE CTL

Pada tarikh 4 Mei 2006, Yg. Bhg. Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah bte Tapsir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UTM telah berkesempatan membuat satu lawatan kerja buat pertama kalinya ke CTL. Dalam pertemuan ini, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) telah diberikan informasi lengkap tentang bisnes teras, peranan, aktiviti utama dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CTL kepada staf akademik dan pelajar universiti bagi mempertingkatkan kecemerlangan dan inovasi dalam P&P di UTM.

Pertemuan tersebut telah dihadiri oleh semua Pentadbir CTL, iaitu Dekan CTL, dua Timbalan Dekan CTL, Pengarah Bahasa Inggeris, Pengurus IT, Timbalan Pendaftar dan Pegawai Pereka. Yg. Bhg. Prof. Dr. Mohd. Salleh bin Abu, Dekan CTL mengambil kesempatan dalam lawatan TNC(A) ini untuk memperkenalkan barisan kepimpinan CTL dan menjelaskan beberapa agenda penting P&P yang bakal dilaksanakan oleh CTL dalam waktu terdekat ini.

*Sambungan dari mukasurat 1*

semuanya akan berjaya direalisasikan dengan sokongan daripada kesemua infrastruktur di universiti.

Negara memerlukan graduan yang bukan sahaja mahir dari segi akademik tetapi juga mempunyai kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, fleksibel, berkeyakinan, bermotivasi kendiri, mampu bekerja secara berkumpulan serta kemahiran-kemahiran generik yang lain. Berdasarkan rangka kerja yang dicadangkan, adalah menjadi hasrat Pusat Pengajaran & Pembelajaran untuk membantu Universiti menyediakan para graduan yang bukan sahaja fleksibel tetapi juga menepati keperluan serta pasaran semasa seperti mana yang dinyatakan.

Rangka kerja P&P yang disediakan itu juga selari dengan misi UTM itu sendiri iaitu untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi yang kreatif sejajar dengan aspirasi negara. Bagi mencapai

misni tersebut, pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan. Pembinaan atribut graduan UTM, penerapan kemahiran generik, penggunaan e-Pembelajaran, pendidikan berdasarkan hasil (OBE), mempelbagaikan pendekatan P&P khususnya pembelajaran aktif, suntikan elemen keusahawanan, kursus Bahasa Inggeris dan sebagainya dilaksanakan secara berterusan. Ini semua dilaksanakan bagi memastikan graduan UTM berjaya dilengkapkan dengan segala pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan sebelum mereka berkhidmat bagi memenuhi keperluan masyarakat dan negara. Dengan amanah dan tanggungjawab ini, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran mengalu-alukan semua warga UTM untuk sama-sama berpadu tenaga dan usaha ke arah melahirkan graduan yang berkualiti dan menjadi kebanggaan negara.



## KURSUS TATACARA KEMASUKAN DAN PEMPROSESAN DATA PENILAIAN PENGAJARAN PENSYARAH (PPP) SECARA BERKOMPUTER

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL) dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) telah berjaya menyempurnakan dua sesi program Kursus Tatacara Kemasukan dan Pemprosesan Data PPP Berkomputer kepada semua Pentadbir dan staf sokongan CTL. Kursus ini bertujuan untuk melatih staf CTL supaya mampu memproses sendiri data PPP secara berkomputer.

Sesi pertama kursus ini diadakan di Bilik Latihan CICT pada tarikh 5 April 2006 dan sesi kedua kursus

berlangsung di Bilik Mesyuarat CTL pada tarikh 6 April 2006. Dalam kursus tersebut, pihak CICT telah menunjukkan dengan jelas kaedah dan tatacara sebenar kemasukan dan pemprosesan data PPP secara berkomputer.

Empat penceramah/fasilitator daripada CICT yang terlibat dalam menjayakan kursus selama dua hari ini ialah En. Mansor bin Che Din @ Noordin, En. Wan Hassan bin Abdullah, Pn. Siti Faridah bte Shikh A. Rahman dan Pn. Jamilah bte Sulaiman.

### *MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1426*

Sempena sambutan bulan Maulidur Rasul 1427 pada tahun ini, buat pertama kalinya CTL telah menganjurkan satu Program Kenduri Maulud bertempat di Dataran CTL pada Jumaat 12 Mei 2006. Program ini dihadiri oleh warga CTL dan ahli keluarga masing-masing. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ialah aktiviti memasak yang dikendalikan oleh KAPPELA. Bagi pengisian program, pihak CTL telah menjemput Ustaz Mohd Ismail bin Mustari dari Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PIPS) UTM untuk menyampaikan satu ceramah bersempena sambutan bulan Maulidur Rasul pada kali ini. Program sebegini akan diteruskan di masa akan datang memandangkan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak.

Program kenduri tersebut telah berlangsung dengan jayanya dan Majlis Sambutan Hari Jadi menjadi penutup tirai program. Pihak KAPPELA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama dan kesudian semua ahli hadir dan memeriahkan lagi sambutan program tersebut.



### SELAMAT DATANG KE CTL

**(a) PM Dr. Noor Abidah bte Mohd Omar**

Tarikh Lantikan : 1 April 2006  
Jawatan : Ketua Program (Bahasa Inggeris)

**(b) En. Halizan bin Hashim**

Tarikh Lantikan : 3 April 2006  
Jawatan : Pegawai Pereka

**(c) En. Jamil bin Hamzah**

Tarikh Lantikan : 8 Mei 2006  
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O) N22

**(d) En. Salimi bin Ismail**

Tarikh Lantikan : 14 Julai 2006  
Jawatan : Juruteknik Komputer

**(e) Puan Azila bte Kamis**

Tarikh Lantikan : 1 Ogos 2006  
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O)  
Unit Bahasa Inggeris (UBI)

Terdapat 5 orang staf baru telah melapor diri untuk bertugas di CTL dan staf baru yang dimaksudkan ialah :



CTL mengucapkan selamat datang kepada semua staf baru dan semoga dengan kehadiran mereka dapat memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran CTL khususnya.

**KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) TAHAP I (MODUL D2) :  
PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DI KALANGAN PELAJAR (28 FEB - 1 MAC)**

Pada tarikh 28 Februari hingga 1 Mac 2006, satu kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap I (Modul D2) : Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar telah dilaksanakan bertempat di Bilik Latihan CTL. Kursus ini menerangkan kemahiran generik yang diperlukan untuk membolehkan pelajar menguasai tujuh UTM Graduate Attributes. Di samping itu, hasil dari kursus ini dapat membantu pensyarah menyediakan learning outcomes berkaitan dengan kemahiran generik dengan baik.

Kursus tersebut telah dihadiri oleh 16 orang peserta dan 5 tenaga penceramah/fasilitator yang terdiri daripada PM Khairi Izwan Abdullah, PM Dr. Shahrin Mohamad, PM Dr. Madzlan Aziz, PM Dr. Mohd Hamdan Ahmad dan PM Abdul Rahim Md. Yunus.

**KURSUS ASAS PEMBANGUNAN APLIKASI MULTIMEDIA (1-2 MAC)**

CTL dengan kerjasama Pejabat HRD sekali lagi telah menganjurkan satu Kursus Asas Pembangunan Aplikasi Multimedia Pendidikan pada 1 hingga 2 Mac 2006 bertempat di Makmal Komputer 1, CTL. Kursus yang dihadiri oleh 16 peserta ini melatih para peserta mengenai aspek teori dan praktikal dalam membangunkan aplikasi multimedia pendidikan yang boleh dimanfaatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

CTL telah menjemput 6 orang penceramah/fasilitator iaitu Dr. Jamalludin Harun, Dr. Zaidatun Tasir, En. Mohd Nihra Haruzuan Mohd Said, Pn. Nor Azean Atan, Pn. Norah Md Noor dan En. Mohd Fadzli Ali. Peserta telah didedahkan dengan penggunaan Macromedia Authorware serta elemen grafik dan multimedia dalam persembahan.

**KURSUS PENGAJARAN MENGGUNAKAN  
TEKNOLOGI (8-9 MAC)**

Seramai 29 orang peserta telah menghadiri Kursus Pengajaran Menggunakan Teknologi (E-Pembelajaran) yang telah dianjurkan oleh pihak CTL dan Pejabat HRD pada 8 hingga 9 Mac 2006 bertempat di Makmal Komputer 1, CTL. Kursus ini mendedahkan kepada peserta tentang penggunaan teknologi e-pembelajaran dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Penceramah/fasilitator jemputan pada kali ini terdiri daripada PM Dr. Mohamed Noor Hasan, PM Hanizam Sulaiman, PM Muhammad Mun'im Ahmad Zabidi dan En. Mohamed Zahry Othman.

Secara umumnya, di akhir kursus peserta telah menunjukkan reaksi yang positif dan mampu menggunakan teknologi e-pembelajaran ini secara komprehensif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Aspek-aspek rekabentuk pengajaran serta rekabentuk skrin dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembelajaran visual juga turut disampaikan kepada peserta kursus.

**KURSUS PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK  
DI KALANGAN PELAJAR (21-23 MAC)**

Kemahiran generik di kalangan pelajar dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) amat penting dalam membantu pelajar menguasai kemahiran komunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan dan lain-lain. Kursus yang dijalankan selama tiga hari pada 21 hingga 23 Mac di Hotel Hyatt Regency ini berjaya menekankan aspek-aspek penting penerapan kemahiran generik seperti : Writting Objectives and Learning Outcomes, Planning TL Activities to Develop GS, Designing Examination Questions and Assignment Briefs dan lain-lain. CTL telah menjemput PM Dr. Shahrin Mohammad, PM Dr. Hamdan Ahmad dan PM Abdul Rahim Md Yunus sebagai penceramah/fasilitator kursus.

**KURSUS SIJIL PENGAJARAN PENGAJIAN TINGGI (SPPT) MODUL D1 :  
PENASIHAT AKADEMIK PELAJAR (28 - 30 MAC)**

Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Modul D1: Penasihat Akademik Pelajar telah dijalankan di Dewan Anggerik, Rumah Alumni UTM pada 29 hingga 30 Mac yang lalu. Kursus anjuran CTL dengan kerjasama pejabat HRD ini telah dipadatkan dengan aktiviti ceramah dan bengkel yang dikendalikan oleh 4 penceramah/fasilitator jemputan iaitu Prof. Dr. Johari Halim Shah Osman, PM Dr. Mohd Zaki Kamsah, PM Tn. Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan En. Ismaal Samat. Antara topik ceramah yang disampaikan ialah Sistem dan Peraturan Akademik UTM, Takrif dan Pendekatan Tolong Bantu serta bengkel Kajian Kes di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar). Kursus ini diharapkan dapat membantu peserta menguasai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas sebagai seorang Penasihat Akademik yang berkesan di UTM.

**KURSUS PEMBELAJARAN KOOPERATIF DAN PENGENALAN KEPADA  
PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH (ASAS) (25 - 26 APRIL)**

Pada 25 hingga 26 April 2006 yang lalu, pihak CTL dengan kerjasama Pejabat HRD telah berjaya menganjurkan Kursus Pembelajaran Kooperatif dan Pengenalan kepada Pembelajaran Berasaskan Masalah (Asas). Kursus yang dijalankan selama dua hari ini telah diadakan di Pulai Spring Resort dan dihadiri seramai 40 orang peserta. Kursus tersebut bertujuan untuk melatih para peserta mengenai aspek teori dan amalan berkaitan pembelajaran berdasarkan masalah di IPT.

Kursus kali ini telah dikendalikan oleh empat orang penceramah/fasilitator iaitu PM Dr. Khairiyah binti Mohd Yusof, Dr. Zaidatun bte Tasir, Tn. Hj. Meor Ibrahim bin Kamaruddin dan Tn. Syed Ahmad Helmi bin Syed Hassan. Kursus tersebut di harapkan dapat membantu staf akademik menguasai teknik dan strategi dalam pembelajaran kooperatif agar iaanya boleh digunakan dalam melancarkan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah.

**FORUM BERSAMA PELAJAR YANG TELAH MELALUI PEMBELAJARAN  
BERASASKAN MASALAH (PBL) (6 APRIL)**

Pada 6 April 2006, CTL telah menganjurkan satu program Forum Bersama Pelajar Yang Telah Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) bertempat di Dewan CTL. Mereka yang terlibat adalah terdiri daripada pensyarah dan pelajar daripada seluruh fakulti. CTL telah menjemput 2 orang fasilitator iaitu PM Dr. Khairiyah binti Mohd Yusof dan Dr. Zaidatun bte Tasir untuk mengendalikan forum tersebut.

Forum Bersama Pelajar ini telah dirasmikan oleh Yg. Bhg. Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah bte. Tapsir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan). Forum yang melibatkan pertemuan dan komunikasi dua hala antara pensyarah dan pelajar ini telah memberi peluang kepada kedua pihak untuk berbincang tentang kaedah pembelajaran yang menggunakan masalah dunia sebenar yang relevan serta bermakna sebagai fokus dalam proses pembelajaran. Ianya dapat membantu pelajar-pelajar dalam mempertingkatkan keupayaan mereka dalam menyelesaikan masalah dan pemikiran serta memahami konsep dan kemahiran berkaitan dengan sesuatu matapelajaran.

**KURSUS PEMBANGUNAN HASIL PEMBELAJARAN (13 - 14 JUN)**

Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-based Education – OBE) memberi penekanan pengajaran yang berpusatkan pelajar. Dalam pendekatan OBE ini setiap program pengajaran yang ditawarkan harus menyediakan apakah hasil pembelajaran yang bakal dicapai oleh pelajar setelah mengikuti sesuatu program atau kursus pengajian. Bagi melaksanakan pendekatan ini, CTL dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menganjurkan Kursus Pembangunan Hasil Pembelajaran pada tarikh 13 hingga 14 Jun 2006 bertempat di Pulai Spring Resort, Johor Bahru. Penceramah/Fasilitator terdiri daripada PM Dr. Shahrin bin Mohammad, PM Dr. Mohd Zaki bin Kamsah dan PM Khairi Izwan bin Abdullah. Antara topik yang disampaikan ialah Overview of OBE, Development of Learning Outcomes, Delivery Method and Assessment Method & KPI. Di akhir kursus, peserta telah dapat memahami konsep

Method and Assessment Method & KPI. Di akhir kursus, peserta telah dapat memahami konsep sebenar OBE, membangunkan hasil pembelajaran bagi sesuatu matapelajaran yang selari dengan hasil program serta dapat merancang strategi seterusnya dapat melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan dalam konteks OBE.



**KURSUS PEMBELAJARAN AKTIF DAN PEMBELAJARAN KOOPERATIF (14 - 16 MAC)**

Pada 14 hingga 15 Jun 2006, CTL dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah menganjurkan Kursus Pembelajaran Aktif dan Pembelajaran Kooperatif bertempat di Bilik Latihan CTL. Kursus ini hanya melibatkan pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan seramai 29 staf akademik telah hadir dengan jayanya.

Sepanjang kursus ini, peserta telah diberikan penerangan yang mendalam tentang Pembelajaran Berasaskan Masalah atau Problem Based Learning (PBL) serta Pembelajaran Kooperatif. Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan masalah dunia sebenar yang relevan serta bermakna sebagai fokus dalam proses pembelajaran manakala Pembelajaran Kooperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan pembelajaran dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai matlamat yang sama.

CTL dan FKM telah menjemput PM Dr. Khairiyah bte Mohd Yusof, PM Dr. Abu Hassan bin Kassim, Dr. Ong Chee Tiong dan Tuan Syed Ahmad Helmi bin Syed Hassan sebagai penceramah/fasilitator kursus. Kursus ini diharapkan dapat membantu pensyarah menguasai teknik dan strategi dalam pembelajaran kooperatif agar ianya boleh digunakan dalam melancarkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) di universiti.

**BENGKEL PEMURNIAN POLISI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (16-18 JUN)**

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan bisnes teras kepada sesebuah universiti. Kualiti dan kebikesan program dan aktiviti P&P di sesebuah universiti bergantung kepada kecekapan perancangan, pengurusan, pengendalian, kejelasan dan keberkesanannya dasar dan polisi P&P yang digunakan. Oleh yang demikian CTL dengan kerjasama pejabat HRD telah mengambil inisiatif melaksanakan satu Bengkel Pemurnian Polisi Pengajaran & Pembelajaran bagi membuat semakan terakhir dan proses validasi terperinci ke atas Polisi Pengajaran & Pembelajaran yang telah disediakan serta menyediakan kertas kerja lengkap mengenai Polisi Pengajaran & Pembelajaran UTM untuk mendapatkan perakuan Senat Universiti.

Bengkel ini berlangsung dengan jayanya selama tiga hari bermula pada 16 hingga 18 Jun bertempat di Hotel Legacy, Melaka. Penceramah/fasilitator yang terlibat ialah Prof. Dr. Mohd Salleh Abu, PM Dr. Shahrin Mohamed, PM Dr. Mohamed Noor Hasan, PM Dr. Mohd Zaki Kamsah, PM Khairi Izwan Abdullah dan Dr. Jamalludin Harun.

**BENGKEL PENAMBAHBAIKKAN KAEDAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN BAGI PELAJAR TAHUN PERTAMA DI UTM (23 - 25 JUN)**

Pelajar Tahun Pertama di universiti merupakan peringkat pelajar yang perlu diberikan perhatian utama oleh pihak universiti kerana pelajar tahun pertama yang gagal menguasai 'Masalah Peralihan' akan hilang motivasi untuk belajar, tidak pandai mengurus masa dan tidak berjaya menguasai pembelajaran tahun pertama dengan jayanya. Oleh yang demikian, pada tarikh 23 Jun hingga 25 Jun bertempat di Riviera Bay Resort, Melaka telah dilaksanakan satu Bengkel Penambahbaikan Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bagi Pelajar Tahun Pertama di UTM. Seramai 22 orang peserta hadir dan bengkel ini telah dikendalikan oleh 5 penceramah/fasilitator jemputan iaitu Prof. Dr. Mohd Salleh Abu, Prof. Dr. Ahmad Kamal Idris, PM Dr. Mohd Zaki Kamsah, PM Dr. Shahrin Mohamad dan PM Khairi Izwan Abdullah. Dengan terlaksananya bengkel ini universiti dapat memantapkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran pelajar tahun pertama dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik dan kejayaan mereka di universiti.



## **AKTIFKAN PENGAJARAN ANDA**

### **Bagaimana Merekabentuk Bahan Pengajaran Elektronik bagi Menggalakkan Pembelajaran Aktif**

Disediakan oleh: Dr. Jamalludin Hj. Harun

Konsep pembelajaran aktif telah mengubah pandangan dan amalan mengenai proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Dahulunya, pembelajaran merupakan satu proses di mana ilmu pengetahuan dicurahkan sepenuhnya kepada pelajar dalam satu persekitaran pembelajaran yang dikuasai oleh tenaga pengajar. Kini, menerusi pelbagai pendekatan pembelajaran peranan pelajar cuba diaktifkan secara optimum. Pembelajaran aktif memerlukan pelajar untuk berfikir, merancang, melaksana, menyelesaikan masalah, mempertahankan pendapat dan sebagainya. Ini bagi memastikan pengetahuan yang diperoleh bukan sekadar diterima begitu sahaja tetapi juga dianalisis dan direalisasikan keperluannya dalam kehidupan sebenar.

#### **Pengajaran Aktif untuk Pembelajaran Bermakna**

Kaedah pengajaran menggunakan perisian persembahan elektronik seperti Microsoft Power Point merupakan antara pilihan ramai pensyarah masa kini. Ianya membolehkan seseorang pensyarah memberi penekanan kepada isi utama sesuatu matapelajaran dengan lebih mudah dan pantas. Namun demikian persoalan yang timbul, adakah ianya berkesan dan dapat membantu meningkatkan pengalaman pembelajaran seseorang pelajar. Adakah dengan hanya menonton persembahan pengajaran yang menarik serta disokong dengan elemen multimedia menjanji satu proses pembelajaran yang bermakna di kalangan pelajar.

Perlu difahami bahawa perisian persembahan elektronik seperti Power Point hanya merupakan satu alat dalam proses P&P. Ianya tidak dengan sendirinya berkemampuan untuk meningkatkan kualiti atau keberkesanannya proses pembelajaran. Pensyarah yang bertanggungjawab merekabentuk bahan pengajaran yang mampu meningkatkan keberkesanannya pengajaran dan dalam masa yang sama menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna. Dengan strategi yang bersesuaian, seseorang pensyarah boleh mengoptimalkan kemudahan yang disediakan oleh perisian persembahan elektronik bagi menarik perhatian pelajar untuk melibatkan diri secara lebih aktif dalam proses P&P.

Bahagian seterusnya akan menjelaskan bagaimana seseorang pensyarah boleh mengoptimalkan penggunaan perisian persembahan elektronik bagi membentuk satu proses P&P yang lebih aktif. Ianya merupakan aktiviti ringkas yang boleh dilaksanakan di antara 2 hingga 15 minit tetapi mampu memberi impak yang mendalam kepada pembelajaran pelajar.

#### **Mulakan Kuliah dengan Soalan Pembukaan**

Pelajar yang dapat membuat perhubungan di antara pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru yang bakal dipelajari mampu belajar dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, seorang pensyarah yang prihatin akan cuba membantu dalam hal yang dinyatakan. Ini boleh dilakukan menerusi pelbagai cara. Semasa



Contoh soalan pembukaan sebelum kuliah yang sebenar disampaikan

menyediakan slaid pengajaran untuk kuliah misalnya, mulakan slaid anda dengan soalan pembukaan berkaitan dengan pengetahuan sedia ada yang diperlukan oleh pelajar bagi topik pengajaran yang akan disampaikan. Pilih beberapa orang pelajar secara rawak dan minta mereka memberikan pendapat. Ini secara tidak langsung dapat membantu mengaktifkan pemikiran pelajar buat seketika dan juga memberi idea kepada pensyarah mengenai pengetahuan sedia ada pelajar.

#### **Galakkan Aktiviti Berfikir dan Berbincang**

Aktiviti berfikir dan berbincang sememangnya mampu memberi impak yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Biasanya ini boleh dilakukan menerusi tiga langkah mudah yang dikenali sebagai aktiviti berfikir-berteman-berkongsi (think-pair-share). Sebagai contoh, semasa menyediakan slaid pengajaran, sediakan bersama slaid yang mengandungi aktiviti yang memerlukan setiap pelajar berfikir buat seketika. Seterusnya, minta pelajar berkumpul dalam kumpulan kecil (2 atau 3 orang bagi satu kumpulan) dan melahirkan kembali idea yang telah difikirkan. Apabila selesai, galakkan pelajar untuk mengutarakan pendapat yang dipersejutui kepada keseluruhan kelas. Aktiviti sebegini dapat mengurangkan kaedah penyampaian kuliah yang tradisi di mana pelajar hanya menonton persembahan pengajaran pensyarah semata-mata tetapi kini pelajar boleh turut terlibat sama dalam proses pembelajaran secara aktif.



Contoh slaid yang mendorong kepada aktiviti berfikir dan berbincang


#### **Selitkan Pengajaran dengan Pelbagai Jenis Soalan**

Menyoal pelajar semasa sesi pengajaran merupakan salah satu kegemaran ramai pensyarah. Walau bagaimanapun, akibat daripada kesuntukan masa dan sebagainya sering kali menyebabkan seseorang pensyarah terlupa untuk menyoal atau terlupa soalan yang ingin disoal kepada pelajar.

Di sinilah penyediaan slaid pengajaran elektronik yang bersesuaian dapat membantu. Seseorang pensyarah boleh terus menyelitkan slaid yang mengandungi soalan-soalan yang bersesuaian di antara slaid-slaid pengajaran yang lain. Secara tidak langsung ianya membantu untuk mengingatkan pensyarah untuk berinteraksi dengan pelajar dan dalam masa yang sama pelajar berpeluang membuat refleksi kendiri.

#### **Menyenaraikan Isi Utama Pelajaran**

Aktiviti pelajar menyenaraikan kembali isi-isu utama pelajaran merupakan salah satu strategi yang dapat membantu pelajar mengingat kembali dan seterusnya membuat perhubungan mengenai apa yang telah dipelajari. Ini boleh dilakukan bersama-sama di antara pensyarah dengan pelajar. Sebagai contoh, pelajar diminta menyenaraikan isi utama tersebut pada helaian kertas. Seterusnya, setiap pelajar diminta berkongsi dengan keseluruhan kelas apa yang telah dicatatkan. Pensyarah seterusnya mencatatkan apa yang menjadi fokus utama terus ke dalam slaid persembahan pengajaran untuk rujukan bersama. Berdasarkan apa yang telah dicatatkan, proses perbincangan yang lebih mendalam boleh dilakukan sekiranya dirasakan perlu.



Contoh slaid yang mendorong pelajar untuk menyenaraikan isi utama pelajaran

#### **Aktiviti Sumbang Saran**

Aktiviti sumbang saran atau brainstorm merupakan satu lagi aktiviti pembelajaran aktif yang boleh dimanfaatkan bersama menggunakan slaid persempahan pengajaran seseorang pensyarah. Satu slaid pengajaran boleh disediakan yang menyenaraikan apa yang perlu pelajar lakukan iaitu menyenaraikan isu-isu utama yang berkaitan dengan sesuatu isi

**Sambungan dari mukasurat 7**

pelajaran. Pelajar seterusnya diminta cuba menghubungkan isi tersebut dengan isi pelajaran yang telah dipelajari ataupun maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Bagi membolehkan ini dilakukan dengan mudah dan berkesan, pensyarah boleh menyenaraikan soalan-soalan yang bersesuaian di dalam slaid pengajaran. Menerusi soalan-soalan sebegini, pelajar boleh digalakkan untuk berfikir dan juga membuat perhubungan di antara isi pelajaran dengan isu-isu utama yang berkaitan dengan isi pelajaran tersebut.

KATEGORI RUPA TAIP: SERIF VS SANS SERIF
Dalam kumpulan 3 orang pelajar, bincangkan:
• Di antara rupa taip jenis serif dan sans serif, manakah yang lebih sesuai digunakan dalam persempahan secara elektronik (aplikasi multimedia, laman web, persempahan Power Point dan sebagainya). Mengapa ?
• Di antara rupa taip jenis serif dan sans serif, manakah yang lebih sesuai digunakan dalam persempahan secara beretak (majalah, surat khabar dan sebagainya). Mengapa ?
• Sedangkan rasional anda. Dua kumpulan yang berikut akan dipilih untuk membahaskan isu ini.....

Contoh slaid yang mendorong pelajar untuk mengeluarkan idea dan mempertahankan idea menerusi proses sumbang saran bersama rakan

**Aktiviti Soal dan Jawab Bersama**

Aktiviti soal dan jawab bersama merupakan aktiviti di mana pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk berasoal-jawab bersama rakan-rakan. Seorang pelajar diminta menyoal rakan di sebelah berkaitan dengan sesuatu topik yang sedang dipelajari. Seterusnya peranan tersebut dambil pula oleh rakan pelajar tersebut dan aktiviti ini berlaku berterusan secara bergilir-gilir. Pensyarah boleh bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain untuk memantau dan dalam masa yang sama mencatatkan soalan-soalan yang boleh dibincangkan di dalam kelas. Senarai soalan tersebut kemudiannya dimasukkan terus ke dalam slaid pengajaran dan seterusnya keseluruhan kelas boleh sama-sama cuba menjawab soalan tersebut. Tuan punya soalan juga boleh diminta menjadi pemudah cara untuk menggalakkan aktiviti perbincangan atau pun bagi menjelaskan jawapan bagi soalan yang terpilih.

**Satu Soalan Terakhir Daripada Anda ?**

Bagi menggalakkan pelajar untuk lebih aktif dalam proses pembelajaran, ada masanya kuasa menyoal boleh diserahkan kepada pelajar buat seketika. Bagi menggalakkan pelajar untuk

menyoal, mungkin seseorang pensyarah boleh menyediakan satu slaid pengajaran yang hanya mempunyai perkataan "Satu Soalan Terakhir Daripada Anda". Ini boleh digunakan di akhir satu sesi pengajaran. Setiap pelajar diminta memikirkan satu soalan terakhir berkaitan dengan isi pelajaran yang disampaikan. Pensyarah seterusnya boleh memilih pelajar secara rawak dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar tersebut. Soalan-soalan tersebut juga boleh diagihkan kepada pelajar lain di dalam kelas untuk sama-sama turut cuba menjawabnya. Ini secara tidak langsung menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis bagi menyediakan soalan-soalan yang bersesuaian.

**Sediakan Nota Kuliah Anda Sendiri**

Sesekali, pensyarah juga boleh memberi peluang kepada pelajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. Sebagai contoh, mungkin pelajar boleh diminta bekerja di dalam kumpulan untuk menyediakan bahan pembelajaran mereka sendiri bagi sesuatu topik yang terpilih. Kumpulan tersebut boleh menghasilkan bahan tersebut dalam bentuk persembahan menggunakan perisian Power Point atau yang setara dengannya. Bahan yang disediakan kemudiannya boleh digunakan bagi aktiviti P&P di dalam bilik kuliah maupun dikongsikan di dalam talian menerusi sistem e-Pembelajaran (e-Learning). Aktiviti sebegini boleh mengerakkan pelajar daripada satu proses pembelajaran yang pasif kepada sesuatu yang lebih aktif. Pelajar juga diberi peluang untuk mencari, menganalisis, memilih bahan yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran.

**Kesimpulan**

Seperti mana yang telah dijelaskan, terdapat pelbagai kaedah bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan dalam menyediakan satu persekitaran pembelajaran yang lebih aktif. Pembelajaran aktif tidak semestinya hanya boleh diperoleh daripada satu proses pembelajaran yang kompleks seperti pembelajaran berdasarkan masalah dan sebagainya. Aktiviti pembelajaran aktif yang ringkas juga boleh dilaksanakan bila-bila masa tanpa perlunya seseorang pensyarah menggunakan terlalu banyak masa untuk tujuan yang dinyatakan. Siapa tahu aktiviti pengajaran aktif selama lima minit yang dilaksanakan oleh seseorang pensyarah setiap kali sesi kuliah mampu memberi kesan positif secara jangka-panjang di kalangan pelajar. Ringkasnya, aktifkanlah pengajaran anda bagi membolehkan pelajar mengalami satu proses pembelajaran yang lebih bermakna.

### KALENDAR KURSUS/BENGKEL PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (CTL) SEHINGGA SEPTEMBER, 2006

BIL	KURSUS	KATEGORI	PERKHIDMATAN	TARIKH
1	Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap I (Modul C2) : Pengajaran Menggunakan Teknologi (E-Pembelajaran)	A	Staf Akademik baru yang akan menduduki TK3	11 – 13 Julai
2	Kursus Asas Pembangunan Aplikasi Multimedia	B	Terbuka	18 – 19 Julai
3	Kursus Dan Latihan Persediaan Pengajaran Kepada Pembantu Pengajar (Teaching Assistant) Di UTM			19 - 20 Julai
4	Bengkel Perlaksanaan Content-Area Tutoring (CAT)			24 Julai
5	Kursus English For Content-Area Instructors (Siri I)			26 – 27 Julai
6	Kursus English For Content-Area Instructors (Siri II)			2 – 3 Ogos
7	Kursus Mengoptimumkan Penggunaan Perisian Melalui Bahan P&P			15 – 16 Ogos
8	Kursus Asas Pembangunan Laman Web Bagi Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran			22 – 23 Ogos
9	Kursus Pembangunan Portfolio Pengajaran	A	Staf Akademik yang akan menduduki TK4	29 – 30 Ogos
10	Kursus Grammar Revision	B	Terbuka	28 – 29 Ogos
11	Kursus Pengajaran Menggunakan Teknologi (E-Learning)			6 – 7 Sept
12	Kursus Pembelajaran Berasaskan Masalah (Lanjutan)			12 – 13 Sept
13	Kursus Pembelajaran Aktif			12 – 13 Sept
14	Kursus Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) Tahap II (Modul F1) : Penambahbaikan P&P Menerusi Amalan Reflektif	A	Staf Akademik baru yang akan menduduki TK3	18 Sept

\* Nota : A (Kursus Kompetensi Wajib PTK Bagi Staf Akademik)  
B (Kursus dan Latihan Pembangunan Profesional P&P)